


## Latihan 3:

Berdasarkan bahan grafik dan jawapan ulasan petikan daripada bahan grafik asingkan penanda wacana isi tersurat dan tersirat dengan mengheretnya ke dalam jadual di bawah.



Peta bulatan di atas, menunjukkan kegunaan telefon pintar dalam kehidupan harian kita. Terdapat banyak kegunaan telefon pintar.

Antaranya, kita boleh menelefon rakan dan ibu bapa kita di mana-mana sahaja untuk bertanya khabar dan mengeratkan hubungan. Selain itu, kita boleh mengambil gambar dengan menggunakan telefon pintar untuk dijadikan sebagai kenangan. Di samping itu, kita dapat mencari sesuatu lokasi dengan mudah tanpa membazirkan banyak masa. Akhir sekali, kita juga boleh bermain permainan video dan mendengar muzik untuk mengisi masa lapang.

Kesimpulannya, telefon pintar mempunyai pelbagai kegunaan dan amat penting dalam kehidupan kita.

| Penanda Wacana | Isi Tersurat | Isi tersirat |
|----------------|--------------|--------------|
| Antaranya,     |              |              |
|                |              |              |
|                |              |              |
| Akhir sekali,  |              |              |